



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 AUGUST 2016

Musa salah satu produk terbaik Malaysia - Sultan Nazrin

Ulm
11/8/2016

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, disifatkan sebagai salah satu produk terbaik Malaysia yang wajar dicontohi oleh semua rakyat di negara ini, bukan sahaja dalam konteks kepemimpinan tetapi juga ketinggian ilmu serta usahanya memajukan anak bangsa.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkata, Musa merupakan sebahagian kecil daripada tokoh hebat yang meninggalkan kesan besar kepada sejarah kemajuan Malaysia dan sumbangannya, memandu generasi muda hari ini, hasil pengalamannya menyaksikan bagaimana bumi ini dijajah.

Menurut baginda, ketokohan dan kebolehan yang dipamerkan oleh Musa bukan sahaja diakui di peringkat domestik, malah majalah antarabangsa, *Time* sejak 1960-an lagi sudah menyenaraikan anak jati Segamat, Johor, itu sebagai salah seorang daripada 150 individu paling berpengaruh di dunia.

"Beta melihat Tun Musa sebagai produk impian Malaysia. Beliau meninggalkan kesan yang begitu besar kepada negara. Sumbangannya tidak mungkin dilupakan dan dengan membukukan pengalamannya, beliau memandu kita untuk menghayati sejarah yang sebelum ini mungkin cuba diabaikan.

"Ketika beliau begitu hampir untuk menjadi Perdana Menteri kelima, Tun Musa memilih untuk melepaskan jawatan (sedangkan banyak pihak tidak sanggup berbuat demikian)," kata Sultan Nazrin ketika berucap merasmikan buku 'Frankly Speaking' yang memaparkan kisah perjalanan hidup bekas Timbalan Perdana Menteri itu, di sini hari ini.

Yang turut hadir Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Buku setebal 428 muka surat itu memaparkan banyak kisah menarik yang tidak pernah diketahui umum termasuk pendedahan mengenai insiden sebenar di sebalik tragedi Memali, yang se-



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH bersama Musa Hitam dalam majlis pelancaran buku berjudul *Frankly Speaking* di Kelab Golf Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/GHAZALI BASRI

lama ini sering dipalitkan ke atas Musa sebagai individu yang bertanggungjawab di atas kejadian berkenaan.

Musa juga menceritakan secara panjang lebar mengenai hubungannya dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bagaimana mereka berdua akhirnya boleh menjadi seteru politik yang akhirnya memaksa beliau melepaskan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam pada itu Sultan Nazrin berkata, Musa sememangnya cukup terkenal sebagai tokoh

yang sentiasa bercakap berterusterang, meskipun sedar tindakan sedemikian adakalanya memberi implikasi negatif kepada karier politiknya tetapi beliau tetap berbuat demikian demi prinsip.

"Beliau cukup konsisten dalam hal ini dan ia terbukti kerana walaupun sudah 30 tahun meninggalkan politik, pandangan Tun Musa sentiasa dicari kerana beliau berani bercakap tentang sesuatu berpandukan prinsip sepertimana ditunjukkan ketika Tun Musa memegang jawatan dalam kerajaan," kata baginda.